

# Kedudukan jawatan pegawai kerajaan ditentukan oleh JPA — PM

15 OCT 1992

PULAU LANGKAWI 10 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengelaskan hari ini, sebarang pertikaian tentang kedudukan jawatan pegawai kerajaan dalam perkhidmatan awam hendaklah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berkata, semua perantikan pegawai kerajaan ditentukan oleh JPA dan prosedur ini tidak boleh diketepikan oleh mana mana pihak.

“Jika berlaku sesuatu, hanya JPA yang berkuasa mengatasinya, tanpa campurtangan politik,” jelasnya selepas mendengar taklimat persiapan Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas isu pertukaran Ketua

Pengarah MARA, Haji Mohd. Ridzuan Abdul Halim ke Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan MARA.

Bagaimanapun, JPA mempertikaikan pertukaran itu kerana ia dibuat tanpa mengikut peraturan. Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Noor berkata kelmarin, pertukaran itu telah ditangguhkan.

## Prosedur

Menurut Perdana Menteri, segala keputusan yang dibuat oleh JPA berhubung dengan kedudukan jawatan pegawai kerajaan tidak boleh dipersoalkan oleh mana mana pihak dan prosedur ini tidak boleh dibelakangkan.

Beliau menambah, segala kemusykilan tentang perkara ini perlu diatasi dan difahami supaya ia tidak berlarutan atau berulang.